

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 17, 2019 9:51 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Perlu Teroka, Cari, Kaji Dan Analisa Ilmu Baharu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 OKTOBER 2019 / 18 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MAHASISWA PERLU TEROKA, CARi, KAJI DAN ANALISA ILMU BAHARU



UUM ONLINE: Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) disarankan agar sentiasa meneroka, mencari, mengkaji dan menganalisa ilmu baharu untuk mengukuhkan lagi penguasaan dalam sesuatu bidang.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sumber Manusia Dan Pembangunan Insan, Dr. Salmee Said berkata, ini bagi memastikan keyakinan dan kualiti diri mahasiswa akan terus cemerlang dan dapat dipertingkatkan.

Menurutnya, mahasiswa perlu sedar bahawa sesuatu perkara dan ilmu tidak akan kekal baharu selamanya kerana dengan perubahan, akan datangnya kemajuan dan perkara yang terkini.

Katanya, mereka perlu menyediakan diri dengan kapasiti yang maksimum untuk membentuk keperibadian dan tingkah laku berwawasan dalam merancang segenap aktiviti untuk merealisasikan visi dan misi yang telah dicanangkan.

"Hal ini bertujuan agar mahasiswa yang lahir akan menjadi cermin masyarakat yang cemerlang dan harmonis. Pendek kata, mahasiswa adalah agen perubahan dalam masyarakat.

"Kita mahu memastikan segala kualiti yang diperoleh boleh menyumbang kepada pembangunan insan dan tidak hanya ternoktah di titik sifar dan dengan segala pengalaman berharga, teori dan aktiviti membina yang telah dilalui wajar untuk dikongsi dengan masyarakat, khususnya muda-mudi dan remaja sebagai pemangkin ke arah penambahbaikan jati diri serta penyuluh lorong kehidupan mendatang," katanya pada Majlis Perasmian Pesta Konvo UUM Ke-32, semalam.

Beliau yang mewakili Menteri Besar berkata, sempena Majlis Konvokesyen dan Pesta Konvo (PESKON) ini, penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan mahasiswa UUM secara langsung membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang berharga iaitu bidang pengurusan program secara praktikal.

Menurutnya, melalui pendedahan itu, mahasiswa tidak tertumpu pada bidang akademik semata-mata, namun berpeluang menyerlahkan bakat serta kebolehan mereka menguruskan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan mereka di kampus.

Katanya, pengalaman tersebut dilihat mampu membentuk sikap, watak serta kualiti kepimpinan mereka yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah dalam diri masing-masing untuk terus bersaing mencipta kecemerlangan diri sehingga mampu menempatkan diri dalam kalangan yang terbaik.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, seperti tahun-tahun yang terdahulu, UUM menyediakan pelbagai program menarik yang bermanfaat kepada pelajar, bakal graduan dan keluarga serta masyarakat setempat sempena Pesta Konvokesyen UUM bermula pada 16 hingga 23 Oktober.

Menurutnya, selaras dengan tema Pesta Konvo UUM iaitu '*LOVE UUM*', beliau menyeru semua mahasiswa UUM supaya dapat menjadi penggerak kepada aspirasi universiti dalam menjayakan program yang berbentuk pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi.

"Pasang niat dengan hati yang bersih dalam menuntut ilmu sebagai satu wasilah untuk mengabdikan diri kepada Allah dan terokailah diri sendiri serta bina karektor dan peribadi kerana diri kita tidak hanya dinilai dengan segulung ijazah semata-mata.

"Saya berharap mahasiswa UUM dapat mengambil kesempatan dan memanfaatkan segala peluang yang ada di universiti ini secara optimum untuk meningkatkan kualiti diri serta memupuk budaya berprestasi tinggi sebagai persediaan untuk menempuhi dunia yang lebih mencabar di luar universiti dan di alam kerjaya," katanya.

Tambah beliau, mahasiswa UUM juga diharapkan dapat memanfaatkan pelbagai program sepanjang Pesta Konvokesyen itu sebagai suatu saluran untuk mengasah bakat dan kebolehan dalam aspek kepimpinan serta pengurusan dan mengutamakan perpaduan sebagai kunci kekuatan organisasi.

PESKON anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan MPP itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berbentuk akademik, keusahawanan, kebudayaan dan kesenian, sukan dan rekreasi, kerohanian serta pameran dengan jumlah lot jualan sebanyak 264 lot termasuk lot jualan pelajar sebanyak 28 lot.

Antara acara akan diadakan ialah program *End Game Run*, *Mobile Legend Tournament*, *I Can See Your Tilawah*, *Si Cilik Berbakat*, *Cupcake Story*, *Busking Competition*, *Pidato Millennial*, *Mascot Runaway* dan lain-lain.

UUM juga turut mengadakan program Malam Kerohanian yang akan dihadiri oleh penceramah Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias dan persembahan kebudayaan serta hiburan bersama artis terkenal seperti Awie, Raihan, artis-artis Warner Music dan Sony Music.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.